

19 JAN 2003

Mahathir-Pengundi

KABINET AKAN KAJI KUASA SPR PINDAH PENGUNDI

ALOR STAR, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kabinet akan mengkaji cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya badan itu diberi kuasa memindahkan pemilih berdaftar ke kawasan pengundian mengikut alamat di dalam kad pengenalan.

Dr Mahathir berkata kabinet akan mendengar dan meneliti cadangan SPR itu.

"Kita akan tengok (cadangan SPR itu),.... ok, kalau nak cegah pengundi hantu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas di sini hari ini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pagi ini menghadiri Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran sempena ulangtahun keputeraan Sultan Kedah ke-75 di Istana Anak Bukit.

Dr Mahathir menerima anugerah Darjah Kerabat (DK) dari Sultan Kedah pada majlis berkenaan.

Akhbar New Sunday Times hari ini melaporkan di muka depan bahawa SPR telah menyiapkan draf cadangan bagi membolehkan badan itu berkuasa memindahkan pemilih dari satu kawasan pengundian ke tempat lain, yang bertujuan mengatasi masalah pengundi hantu dan tuduhan penipuan.

Draf cadangan itu akan dikemukakan kepada kabinet tidak lama lagi.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata mungkin ada beberapa Umno negeri yang akan melakukan rombakan dalam badan perhubungan negeri bagi memperkuat parti menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Mungkin ada Umno negeri yang akan membuat rombakan," katanya ketika ditanya mengenai laporan Mingguan Malaysia bahawa lima negeri akan merombak barisan kepimpinan Umno negeri.

Akhbar itu melaporkan Perak, Perlis, Kedah, Terengganu dan Melaka akan mengikut jejak langkah Umno Kelantan yang melakukan rombakan kepimpinan dengan memasukkan beberapa muka baru.

-- BERNAMA

MZM RON